

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]**

SOALAN :

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah geran/peruntukan untuk penambahbaikan atau membina infrastruktur asas untuk kawasan perumahan khasnya taman permainan kanak-kanak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Tangga Batu, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) telah menggariskan polisi iaitu untuk memastikan setiap kawasan perumahan perlu menyediakan kawasan taman permainan kanak-kanak. Walaubagaimanapun, ia bergantung kepada kesesuaian dan kesediaan tapak oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Bagi tujuan memastikan kelestarian taman-taman permainan ini, JLN menyediakan peruntukan untuk disalurkan melalui program Naiktaraf Taman Awam dan Persekitaran Kehidupan.

Yang Berhormat Tangga Batu dinasihatkan untuk berhubung dengan PBT yang berkaitan bagi mengemukakan cadangan lokasi bagi tujuan penambahbaikan yang dimaksudkan. JLN hanya akan menguruskan bagi tapak yang bersesuaian serta mempunyai keluasan yang melebihi 3 ekar.